

Headline	Liaoning lonjak prestasi hoki wanita negara		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Sukan	Page No	53
ArticleSize	235 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,297		



PEMAIN PKS Uniten, Kirandeep Kaur (kiri) cuba dihalang dua pemain Liaoning pada saingan liga yang berlangsung di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil kelmarin.

Liaoning lonjak prestasi hoki wanita negara

KEHADIRAN pasukan jempukan dari China, Kelab Hoki Liaoning Infinite Space bukan sahaja memeriahkan saingan Liga Hoki Wanita Malaysia 2019, malah turut mewujudkan persaingan yang cukup sengit untuk tiga pasukan pilihan pada musim ini.

Juara bertahan, PKS Uniten menjadi mangsa Liaoning apabila kecedang 0-2 di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur kelmarin sebelum berdepan dua lagi pasukan pilihan, Blue Warriors serta Terengganu Ladies.

Ketua jurulatih skuad wanita negara, Muhammad Dhaarma Raj Abdullah menyifatkan situasi itu sebagai satu permulaan yang baik buat pembangunan hoki wanita tanah air dan pada masa sama dapat membuka mata pemain-pemain tempatan mengenai kualiti permainan peringkat antarabangsa.

"Liga tahun lepas cuma PKS Uniten dan Blue Warriors yang bersaing tetapi kali ini ada empat pasukan iaitu

PKS Uniten, Blue Warriors, Terengganu (Ladies) dan Liaoning akan berentap menentukan juara.

"Ia pastinya akan membuatkan tahap permainan pemain tempatan meningkat kerana mereka perlu memberikan aksi paling baik dalam setiap perlawanan.

"Ia berbeza dengan situasi sebelum ini kerana ada pemain tempatan termasuk tonggak skuad kebangsaan beraksi sambil lewa dalam sesetengah perlawanan.

"Tiada guna menang besar dan berpesta gol kalau perlawanan itu tiada kualiti. Kita memerlukan liga dengan kualiti permainan yang tinggi seperti ini," katanya kepada *Kosmo!* kelmarin.

Liaoning yang dibimbing Gao Lihua, pemenang pingat perak Sukan Olimpik 2008, membariskan tonggak China pada Piala Dunia Hoki Wanita 2018, Chen Yang serta seorang skuad Sukan Olimpik 2016, Yu Qian serta tiga bekas pemain kebangsaan, Guo Jia Jia, Wang Libin dan Wang Feixue.